

Indeks Pencemaran Udara di ILP Miri catat bacaan berbahaya

BERITA HARIAN | Khamis, 22 Ogos 2019 | 10:33am



IPU di ILP Miri mencatatkan bacaan berbahaya iaitu 404 setakat jam 9 pagi ini.

MIRI: Indeks Pencemaran Udara (IPU) di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Miri mencatatkan bacaan berbahaya iaitu 404 setakat jam 9 pagi ini.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak, Mejar Ismail Mahedin daripada Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Sarawak, berkata ILP Miri terletak berhampiran dengan kawasan kebakaran hutan dan tanah gambut di Kuala Baram.

“Sekolah Kebangsaan (SK) Kuala Baram 2 di Miri mencatatkan bacaan IPU 204 iaitu sangat tidak sihat manakala Miri merekodkan bacaan IPU sederhana iaitu 93 setakat pagi ini,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

IPU antara 0 dan 50 adalah baik, 51 hingga 100 (sederhana), 101 hingga 200 (tidak sihat), 201 hingga 300 (sangat tidak sihat) dan 300 ke atas (berbahaya).

Menurutnya, jumlah tompok panas yang dikesan setakat ini ialah dua di Sarawak, 22 di Kalimantan dan 13 di Sumatera.

Sementara itu, Ketua Jabatan Bomba dan Penyelamat Miri Law Poh Kiong, berkata operasi pemadaman api di kawasan terjejas akan diteruskan hari ini dengan menggunakan helikopter Bomba dan pesawat Bombardier milik Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) yang dibahagikan kepada tiga sektor.

Law berkata, helikopter bomba akan memadamkan kebakaran menggunakan kaedah bom air di sekitar kawasan sektor 2 berhampiran dengan ILP Miri.